



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

21 MAC 2017

**KENYATAAN MEDIA YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN, PENERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN TERHADAP PEMBENTANGAN LAPORAN  
PAC PARLIMEN BERHUBUNG PROJEK BIDANG EKONOMI UTAMA NEGARA (NKEA)  
PERTANIAN: EPP 6 – REPLIKASI IZAQ DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI.**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Projek NKEA Pertanian : EPP 6 – Replikasi IZAQ di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Dewan Rakyat.
- 2) Isu ini dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 2 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Jun 2015.
- 3) PAC Parlimen memanggil prosiding terhadap isu ini, pada 1 November 2016 dan Datuk Seri Dr Ismail Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ketika itu, hadir di hadapan PAC Parlimen bagi memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam berhubung Projek NKEA Pertanian : EPP 6 – Replikasi IZAQ
- 4) Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
  - a. **Syarikat Peneraju Memperoleh 2 Dana Pembiayaan Daripada Kerajaan Bagi Projek Yang Sama.**

Penternakan udang di Kompleks Akuakultur Selinsing (KAS) dan Kompleks Akuakultur Pulau Gula (KAPG) Kerian, Perak oleh Hannan Corporation Sdn. Bhd. (HCSB) telah memperoleh 2 sumber pembiayaan iaitu dari Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan NKEA.

Bagi tujuan pembiayaan dari NCIA, pihak syarikat telah memaklumkan bahawa kos projek bernilai RM150 juta dan kontrak telah pun dimeterai pada Januari 2011.

Manakala di bawah NKEA pula, pihak syarikat menyatakan kos projek adalah bernilai RM353 juta dan kontrak telah dilaksanakan mulai Oktober 2011.

Setakat ini, jumlah yang telah dibayar oleh NCIA dan NKEA kepada pihak syarikat masing-masing berjumlah RM25.18 juta dan RM31.24 juta.

Adalah didapati pihak syarikat telah membuat tuntutan bagi beberapa komponen yang sama daripada dua agensi iaitu NCIA dan NKEA. Selain itu, syarikat juga didapati tidak mempunyai kepakaran dan pengalaman berkaitan dengan industri perikanan

- 5) Berikutan itu, PAC Parlimen membuat rumusan bahawa:
- a) pengesahan terhadap beberapa fakta perlu dibuat seperti pinjaman dari NCIA sama ada ianya adalah pinjaman ataupun pinjaman boleh ubah kepada geran kerajaan bagi mengelakkan kekeliruan.
  - b) Oleh itu, pihak MOA, NKEA dan NCIA diharap dapat memberi maklumat yang jelas dan tepat kepada pihak Jabatan Audit Negara (JAN).
- 6) Berdasarkan rumusan berkenaan, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:
- a) PAC memutuskan supaya pihak JAN membuat satu laporan terperinci kepada PAC berkaitan dengan isu-isu yang telah dibincangkan.
  - b) PAC bersetuju dengan pandangan JAN supaya pihak ketiga dilantik bagi menilai semula kos projek serta tuntutan oleh HCSB.
  - c) SOP sedia ada perlu disemak dan dibuat penambahbaikan bagi memastikan peraturan-peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa sentiasa dipatuhi.
  - d) PAC akan meneliti laporan SPRM bagi tujuan penambahbaikan.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Projek Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pertanian : EPP 6 – Replikasi IZAQ di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac).

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia